

31 OCT 1998

Mahathir-eksport/I

M'SIA PERLU LEBIH BANYAK EKSPORT DAN TUKARAN ASING

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia perlu menambahkan eksportnya untuk memperolehi lebih banyak lagi tukaran asing.

"Dengan banyak matawang asing kita tidak lagi digugat oleh orang lain," katanya.

Bercakap dalam sesi dialog dengan pengguna-pengguna pelabuhan tentang penggunaan Pelabuhan Klang, Dr Mahathir berkata negara dijangka mempunyai pertukaran asing yang mencukupi.

"Kita memerlukan pertukaran asing kerana kini kita terpaksa membeli segalanya dalam matawang asing," katanya.

Ini adalah kerana ringgit tidak lagi boleh diniagakan di luar Malaysia sejak 1 Okt tahun ini.

"Kita mestilah berhati-hati terhadap ekonomi kita sendiri, tetapi terdapat juga risiko tertentu, satu daripada masalahnya pastilah jika kita tidak mempunyai tukaran asing yang mencukupi," tambahnya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata sebagai sebuah negara dagangan, Malaysia menikmati imbalan perdagangan sebanyak RM32 bilion bagi tempoh lapan bulan dari Januari tahun ini dan dengan wang itu negara boleh membeli matawang asing bagi keperluan seperti untuk membayar import dan hutang.

Beliau berkata bagi memperolehi matawang asing mencukupi untuk membayar import dan hutang luar, Malaysia mestilah menyimpan atau mendapatkan sebanyak mungkin tukaran asing.

Dr Mahathir juga berkata meskipun imbalan perdagangan yang menguntungkan, negara mengalami defisit akaun perkhidmatan dan defisit itu perlu dikurangkan.

Satu cara untuk melakukannya adalah dengan menggunakan pelabuhan tempatan sekerap yang mungkin, katanya sambil menambah penggunaan pelabuhan-pelabuhan tempatan yang kian bertambah akan juga memberi kesan sampingan kepada industri perkhidmatan yang lain seperti pengendalian dagangan dan insurans.

Beliau menggesa industri tempatan menggunakan Pelabuhan Klang sebagai pusat punggahan manakala pelabuhan lain di negara ini sebagai pelabuhan perantara.

Dr Mahathir berkata Pelabuhan Klang mempunyai keupayaan untuk menjadi pusat pemunggahan bagi negara.

"Kita berharap setiap orang akan menjadikan Pelabuhan Klang sebagai pusat pemunggahan dan untuk mendapatkan barangan dari Indonesia, Bangladesh, Myanmar dibawa ke sana (Pelabuhan Klang) dan dihantar ke Eropah serta Amerika," katanya.

Dr Mahathir juga berkata import dan eksport Malaysia lebih besar dari Singapura yang bergantung kepada perdagangan dengan Indonesia, Indonesia, China, Thailand dan Bangladesh.

Beliau berkata: "Oleh itu kita boleh memainkan peranan yang sama seperti Singapura tetapi kita perlu ada sokongan. Ia adalah ibarat persoalan "ayam dan telur", adakah kita perlu mendapatkan orang membawakan barangan mereka ke Pelabuhan Klang atau kita majukan Pelabuhan Klang terlebih dahulu?"

Bagi menambahkan penggunaan Pelabuhan Klang, pengimport dan pengeksport Malaysia perlu bekerjasama, katanya.

Ketika ini, kebanyakan proses penghantaran dikendalikan oleh ejen

perkapalan dan kadang-kadang mereka (pengekspor dan pengimport) tidak mengetahui bagaimana barangan dibawa ke destinasi dan di mana barangan itu datang, kata Dr Mahathir.

"Bagi pihak perniagaan, anda mesti memastikan barangan import dan eksport dikendalikan menerusi Pelabuhan Klang. Kita mempunyai pelabuhan daratan yang membuatnya mudah untuk mengesan laluan yang diambil oleh barangan eksport dan import," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Banyak perkara yang boleh kita lakukan, tetapi apa yang paling kerajaan berminat adalah mengekalkan wang kita di dalam negara kerana kita berdepan dengan masalah ekonomi."

-- BERNAMA

MK ZK MA